<sup>8</sup> Convention No. 169 Indigenous and Tribal Peoples Convention, 1989, Convention concerning Indigenous and Tribal Peoples in Independent Countries, <http://www.ilo.org/ilolex/cgi-lex/convde.pl?C169> (8 Februari 2015).

<sup>9</sup> Definisi minoriti adalah merujuk kepada bilangan kaum atau sesebuah masyarakat tertentu di mana mereka berbeza dari segi adat dan budaya, agama & kepercayaan dan juga bahasa. Lihat Javaid Rehman, International Law and Indigenous Peoples: Definitional and Practical Problems, *International Law and Indigenous Peoples*, hlm 229-230. Bagi sesetengah negara contohnya Greenland, orang asal merupakan kaum majoriti iaitu lebih kurang 90% rakyatnya adalah orang asal yang terdiri daripada kaum Inuit. Selain itu, masyarakat Quechua dan beberapa kumpulan orang asal yang lain mewakili 60% penduduk Bolivia dan menjadikan negara tersebut dihuni oleh majoritinya orang asal. Corntassel, JJ & Hopkins TP, Indigenous "Sovereignty" and International Law: Revised Strategies for Pursuing "Self Determination", *Hawaiian Journal of Law & Politics*, Vol 2 (Summer 2006), hlm 53.

undang-undang antarabangsa. Oleh yang demikian, masyarakat orang asal perlu dilindungi kerana mereka berhak mendapat perlindungan dan hak yang sama dengan masyarakat majoriti di sisi undang-undang.

Merujuk sejarah perlindungan hak orang asal, tuntutan pembelaan hak dan perlindungan orang asal di arena antarabangsa telah bermula sekitar tahun 1923 iaitu pada era Liga Bangsa-bangsa apabila Chief Deskaheh memohon agar Liga Bangsa – bangsa menangani isu yang dihadapi kaum Iroquois dengan Kanada.<sup>10</sup> Orang asal menuntut hak penentuan kendiri ekoran daripada penindasan dan dominasi oleh masyarakat majoriti yang akhirnya memberi implikasi kepada orang asal untuk terus kekal sebagai masyarakat marginal.<sup>11</sup> Oleh kerana terdedah kepada penindasan dan kelemahan (*vulnerable*), Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Hak Asasi Manusia, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (*Office of the High Commissioner for Human Rights, United Nations*) menjadikan isu mengenai orang asal sebagai salah satu tema khas hak asasi manusia yang patut diberi perlindungan.<sup>12</sup>

Terdapat kajian mencukupi untuk membuktikan penindasan dalam kalangan orang asal seperti kajian oleh Martinez Cobo,<sup>13</sup> Miguel Alfonso Martinez,<sup>14</sup> Anaya,<sup>15</sup>

<sup>10</sup> Victoria Tauli-Corpuz, 'How the UN Declaration on the Rights of Indigenous Peoples Got Adopted,' 2011, <http://www.tebtebba.org/index.php/all-resources/category/20-un-declaration-on-the-rights-of-indigenous-peoples?limitstart=0>, (8 Februari 2015), hlm 1. Chief Deskaheh mengemukakan tuntutan berkaitan hak untuk bebas tinggal di tanah adat mereka, hak terhadap agama dan undang-undang mereka. Selain tuntutan kaum Iroquois, pemimpin Māori pada 1925 telah mewakili orang asal New Zealand turut mengemukakan masalah yang dihadapi mereka kerana kerajaan telah melanggar peruntukan Triti Waitangi. Walaubagaimanapun, orang asal tidak diberikan ruang sebagai audien dalam Liga Bangsa-bangsa ini. Keseluruhan hak yang dituntut ini merupakan hak yang mempunyai unsur hak penentuan kendiri seperti yang dibincang lanjut dalam bab III. Lihat juga Gale Courey Toensing, Declaration adoption marks the end of the first step, [http://www.indianlaw.org/sites/default/files/resources/ICT\\_Declaration\\_marks\\_end\\_of\\_first\\_step\\_9-21-07.pdf](http://www.indianlaw.org/sites/default/files/resources/ICT_Declaration_marks_end_of_first_step_9-21-07.pdf), (10 Februari 2015).

<sup>11</sup> Javaid Rehman, International Law and Indigenous Peoples: Definitional and Practical Problems, *International Law and Indigenous Peoples*, hlm 229-231.

<sup>12</sup> Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Hak Asasi Manusia, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. <http://www.ohchr.org/EN/Issues/IPeoples/Pages/IndigenousPeoplesIndex.aspx>, (8 Februari 2015).

<sup>13</sup> Cobo, Study of the Problem of Discrimination against Indigenous Peoples, Sub-Commission of Prevention of Discrimination and Protection of Minorities, E/CN.4/Sub.2/1982/2/Add.1, hlm 1. Kajian ini adalah sebuah kajian yang menyeluruh di bawah Resolusi 4B (XXIII), Sub-Suruhanjaya Pencegahan Diskriminasi dan Perlindungan Minoriti dicadang oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia. Kajian ini adalah mengenai masalah diskriminasi terhadap orang asal dan mencadangkan tindakan kayu ukur di peringkat nasional dan antarabangsa untuk menghapuskan diskriminasi tersebut. Cadangan ini adalah dengan kerjasama Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan organisasi antarabangsa yang lain.

Daes<sup>16</sup> dan pelapor Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang lain.<sup>17</sup> Akibat ketidakadilan ini, orang asal termasuklah Orang Asli di Malaysia menuntut pemakaian prinsip hak penentuan kendiri di bawah undang-undang antarabangsa.

Bagi orang asal, hak penentuan kendiri perlu diiktiraf kerana hak tersebut merupakan hak asas kepada kehidupan mereka.<sup>18</sup> Apatah lagi hak berkenaan

<sup>14</sup> Special Rapporteur: Miguel Alfonso Martínez, Study on Treaties, Agreements and Other Constructive Arrangements between States and Indigenous Populations, E/CN.4/Sub.2/1999/20, para 18. Kajian ini dijalankan untuk menilai asal usul amalan triti, perjanjian dan perjanjian konstruktif yang dimeterai antara orang asal dan kerajaan. Keduanya, kajian berkenaan mengenalpasti kepentingan amalan instrumen tersebut kepada orang asal dan tujuan ketiga kajian berkenaan ialah untuk mendapatkan nilai instrumen tersebut yang boleh dijadikan sebagai asas yang mengawasi hubungan antara orang asal dan kerajaan pada masa hadapan.

<sup>15</sup> Anaya, 'Report of the Special Rapporteur on the Situation of Human Rights and Fundamental Freedoms of Indigenous People, Promotion and Protection of All Human Rights, Civil, Political, Economic, Social and Cultural Rights, Including the Right to Development, A/HRC/9/9', (11 August 2008). Kajian ini adalah untuk menjelaskan beberapa maklumat berkaitan pengoperasian norma hak asasi manusia seperti yang diperuntukan dalam DHOA dan juga instrumen undang-undang antarabangsa yang lain. Selain laporan ini, Anaya juga telah menjalankan kajian mengenai masyarakat Māori (A/HRC/18/35/Add.4) seperti yang dibincang lanjut dalam bab VI.

<sup>16</sup> Special Rapporteur Mrs. Erica-Irene A. Daes, Prevention of Discrimination and Protection of Indigenous Peoples and Minorities, Indigenous Peoples and Their Relationship to Land (E/CN.4/Sub.2/2001/21). Kajian ini adalah berkaitan hubungan tanah adat dengan orang asal. Selain itu, kajian memperincikan lagi kepada aspek masalah tanah adat yang dihadapi oleh orang asal dan mencadangkan penyelesaian yang praktikal bagi masalah tanah adat ini.

<sup>17</sup> Special Rapporteur on the rights of indigenous peoples, Victoria Tauli Corpuz, Report of the Special Rapporteur on the rights of indigenous peoples, A/HRC/27/52, 2014. Pelapor Khas PBB yang berasal dari Filipina ini dilantik pada 7 May 2014. Office of the High Commissioner for Human Rights United Nations, 2014, Nomination, Selection and Appointment of Mandate Holders Appointments Made at the Organizational Meeting of the Council on 8 May 2014 Further to the Decision to Postpone Appointments Which Were Due to Be Made at the 25th Session of the Human Rights Council (3-28 March 2014), <http://www.ohchr.org/EN/HRBodies/SP/Pages/HRC25.aspx>, (8 Februari 2014). Lihat Indigenous Peoples' International Centre for Policy Research and Education (TEBTEBBA), 2014, UN Appoints Special Rapporteur on Indigenous Peoples' Rights, <http://www.tebtebba.org/index.php/content/295-un-appoints-special-rapporteur-on-indigenous-peoples-rights>, (8 Februari 2014).

<sup>18</sup> Chairperson-Rapporteur: Mr. Luis-Enrique Chávez (Peru), Report of the Working Group Established in Accordance with Commission on Human Rights Resolution 1995/32, Commission on Human Rights, Fifty-Sixth Session, E/CN.4/2000/84, para 43. Lihat Chairperson-Rapporteur: Mr. José Urrutia (Peru), Report of the Working Group Established in Accordance with Commission on Human Rights Resolution 1995/32, Commission on Human Rights, Fifty-Fifth Session, E/CN.4/1999/82, para 70. Perwakilan Pertubuhan Bukan Kerajaan orang asal iaitu Majlis Saami enggan untuk bertolak ansur sekiranya hak penentuan kendiri dalam perkara 3 Deraf DHOA tidak mendapat persetujuan. Lihat Chairperson-Rapporteur: Mr. Luis-Enrique Chávez (Peru), Report of the Working Group Established in Accordance with Commission on Human Rights Resolution 1995/32, Commission on Human Rights, Fifty-Sixth Session, E/CN.4/2000/84, para 44.

merupakan salah satu cabang utama di bawah undang-undang antarabangsa.<sup>19</sup>

Kupasan mengenai hak penentuan kendiri orang asal adalah penting selaras dengan perhatian Hannum,<sup>20</sup> yang menjelaskan bahawa isu hak orang asal merupakan isu hak asasi manusia yang serius dan wajar diberi perhatian.

Oleh yang demikian, hak penentuan kendiri wajar dijadikan sebagai konsep yang mendasari kajian ini. Konsep hak penentuan kendiri adalah selaras dengan inspirasi orang asal termasuklah Orang Asli di Malaysia yang menganggap hak berkenaan mengandungi peranan yang besar menjangkaui dimensi politik dan undang-undang, malahan penting dalam memastikan keperkasaan hak mereka.

## 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Hak penentuan kendiri (*self-determination*) merupakan sebuah konsep yang telah lama wujud. Perkembangan hak penentuan kendiri bermula sebagai satu prinsip politik sejak zaman Greek dan Rom purba.<sup>21</sup> Hak berkenaan berasal daripada perkataan *selbstbestimmungsrecht* dalam bahasa Jerman.<sup>22</sup> Ekoran fenomena revolusi Amerika dan Perancis sekitar tahun 1700, hak penentuan kendiri terus diberi perhatian khususnya selepas berlaku penolakan dan bantahan terhadap kerajaan oleh rakyatnya kerana pemerintahan tersebut dianggap sebagai kuasa asing yang memerintah mereka.<sup>23</sup>

<sup>19</sup> Knop, *Diversity and Self-Determination in International Law*, Cambridge University Press, United Kingdom, 2004, hlm 37.

<sup>20</sup> Hannum, Hurst, New Development in Indigenous Rights, *Virginia Journal of International Law*, Vol. 28:649, 1987, hlm 650.

<sup>21</sup> Tesfagiorgis, 'Self-Determination: Its Evolution and Practice by the United Nations and Its Application to the Case of Eritrea', (1987) 6 (75) *Wisconsin International Law Journal*, hlm 80. Lihat Umozurike, *Self-Determination in International Law*, Archon Book, United States of America, 1972, hlm 3. Lihat Iorns, 'Indigenous Peoples and Self-Determination: Challenging State Sovereignty', (1992) 24:199 *Case W. Res Journal of International Law*, hlm 239.

<sup>22</sup> Umozurike, *Self-Determination in International Law*, hlm 6. Terma "selbstbestimmungsrecht" telah digunakan dalam satu resolusi London International Socialist Congress, 1896.

<sup>23</sup> Raic, *Statehood and the Law of Self-Determination*, Kluwer Law International, The Hague,

DRIS U2002, hlm 173.

Lantaran itu, hak penentuan kendiri yang lahir daripada fahaman Marxism dalam kelompok liberalisme<sup>24</sup> ini dipelopori oleh mantan Presiden Amerika Syarikat, Wilson. Hak berkenaan dikatakan berakar umbi di bawah aliran pemikiran politik demokrasi (*democratic political thought*) dalam konteks Revolusi Amerika dan Perancis.<sup>25</sup> Hak penentuan kendiri turut dianggap fundamental dalam pembentukan sebuah kerajaan yang memiliki kuasa sah kerana bersandarkan kepada persetujuan rakyat jelata.<sup>26</sup> Kenyataan ini selari dengan pandangan Sureda yang menjelaskan bahawa hak penentuan kendiri berpasak di bawah doktrin “kedaulatan popular” yang mengangkat kedudukan dan kehendak rakyat sebagai unsur utama bagi pembentukan sesebuah kerajaan.<sup>27</sup>

Menurut Raic<sup>28</sup> dan Umozurike,<sup>29</sup> hak penentuan kendiri merupakan suatu prinsip yang bersandarkan kepada undang-undang semulajadi kerana mendokong prinsip ketuhanan dan semulajadi. Maka, idea yang diketengahkan ini menolak pemerintahan luar serta tidak menerima sebarang hak pemerintahan asing untuk

<sup>24</sup> Graham, 'Self-Determination for Indigenous Peoples after Kosovo: Translating Self-Determination "into Practice" and "into Peace", (1999-2000) 6 (455) *ILSA Journal of International & Comparative Law*, hlm 455.

<sup>25</sup> Raic, *Statehood and the Law of Self-Determination*, Kluwer Law International, The Hague, 2002, hlm 178.

<sup>26</sup> Raic, *Statehood and the Law of Self-Determination*, hlm 175. Lihat juga Umozurike, *Self-Determination in International Law*, Archon Book, United States of America, 1972, hlm 9. Menurut Umozurike, idea-idea yang dicetuskan menerusi Revolusi Amerika ini terus diperjuangkan oleh Jefferson yang turut menolak kekuasaan kekejaman kuasa luar, membela kehendak rakyat dan terus berusaha untuk menobatkan hak penentuan kendiri dalam kalangan rakyat. Jefferson merupakan tokoh pemimpin Revolusi Amerika dan idea beliau banyak dipengaruhi oleh ahli falsafah seperti Locke dan Burlamaqui.

<sup>27</sup> Sureda, *The Evolution of the Right of Self-Determination, a Study of United Nations Practice*, A. W. Sijthoff International Publishing Company, Netherlands, 1973, hlm 17-18. Menurut Sureda, hak penentuan kendiri adalah satu penolakan terhadap kezaliman oleh rejim yang angkuh seterusnya berusaha untuk menggantikan kuasa zalim dengan sesuatu yang lebih adil. Hak berkenaan mempunyai kaitan dengan prinsip yang dikenali sebagai pertukaran yang aman/damai. Prinsip pertukaran damai ini adalah implikasi daripada pemakaian prinsip kedaulatan popular yakni pemerintahan sesebuah wilayah akan bertukar dengan persetujuan rakyat.

<sup>28</sup> Raic, *Statehood and the Law of Self-Determination*, Kluwer Law International, The Hague, 2002, hlm 173.

<sup>29</sup> Umozurike, *Self-Determination in International Law*, Archon Book, United States of America, 1972, hlm 6.

menentukan nasib sesuatu masyarakat tanpa sebarang rundingan dan perbincangan.<sup>30</sup>

Hal ini disebabkan oleh perkaitan peranan rakyat dalam pembentukan sesebuah kerajaan yang sah yang didasari oleh kehendak/dan kemahuan rakyat dalam sesebuah negara berkenaan.<sup>31</sup> Kehendak dan kemahuan rakyat ini berkembang dan memberi impak kepada undang-undang antarabangsa.

Setelah mengalami evolusi di atas, konsep hak penentuan kendiri diberi perhatian sehingga diterima dalam pelbagai instrumen undang-undang antarabangsa. Antaranya ialah Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang mengiktiraf hak berkenaan melalui peruntukkan perkara 1(2)<sup>32</sup> dibaca bersama perkara 55<sup>33</sup> piagam yang sama. Walaubagaimanapun, beberapa sarjana seperti Hannum,<sup>34</sup> Nawaz<sup>35</sup> dan Umoruzike<sup>36</sup> mempertikaikan bahawa maksud dan pengisian hak penentuan kendiri masih kabur.<sup>37</sup>

<sup>30</sup> Raic, *Statehood and the Law of Self-Determination*, Kluwer Law International, The Hague, 2002, hlm 173. Penolakan ini termasuklah dari aspek penentuan status politik, budaya, sosial dan juga aktiviti ekonomi.

<sup>31</sup> Raic, *Statehood and the Law of Self-Determination*, hlm 175 & 178. Prinsip hak penentuan kendiri turut mempunyai kaitan yang rapat dengan teori demokratik dan ia juga mirip dengan teori kedaulatan.

<sup>32</sup> Perkara 1(2) Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah memperuntukkan seperti berikut: *To develop friendly relations among nations based on respect for the principle of equal rights and self-determination of peoples, and to take other appropriate measures to strengthen universal peace.* Hak penentuan kendiri yang ditekankan dalam Perkara 1(2) Piagam PBB ialah mengiktiraf hak kepada semua “orang” untuk membentuk hubungan baik antara negara. Di samping itu, perkara 55 menekankan unsur hak penentuan kendiri melaksanakan mandat dan peranan PBB untuk menjamin kestabilan dan keharmonian hubungan antara negara.

<sup>33</sup> Perkara 55 Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah memperuntukkan seperti berikut: *With a view to the creation of conditions of stability and well-being which are necessary for peaceful and friendly relations among nations based on respect for the principle of equal rights and self-determination of peoples, the United Nations shall promote: a) higher standards of living, full employment, and conditions of economic and social progress and development; b) solutions of international economic, social, health, and related problems; and international cultural and educational co-operation; and c) universal respect for, and observance of, human rights and fundamental freedoms for all without distinction as to race, sex, language, or religion.*

<sup>34</sup> Hannum, H, *Documents on Autonomy and Minority Rights*, Martinus Nijhoff Publishers, London, 1993, hlm 3. Hannum menyatakan bahawa hak penentuan kendiri tidak diberi perhatian dalam Deklarasi Sejagat Hak Asasi Manusia 1948. Lihat Hannum, H, *Autonomy, Sovereignty, and self-determination, The Accommodation of Conflicting Rights*, University of Pennsylvania Press, Philadelphia, 1990, hlm 33.

<sup>35</sup> Nawaz, 'The Meaning and Range of the Principle of Self-Determination', (1965) 8 *Duke Law Journal*, hlm 89. Nawaz membezakan penafsiran peruntukan piagam ini berdasarkan kepada tiga pendekatan utama iaitu peringkat *travaux préparatoires*, pandangan sarjana dan juga amalan di beberapa buah negara berkaitan dengan penerimaan dan pelaksanaan hak penentuan kendiri. Untuk

Selain itu, hak penentuan kendiri turut diperuntukkan dalam pelbagai instrumen undang-undang antarabangsa yang mengiktiraf hak semua orang. Antara instrumen undang-undang antarabangsa yang dimaksudkan ialah Deklarasi mengenai Pemberian Kemerdekaan kepada Negara Jajahan dan Rakyat 1514, 1960 (*Declaration on the Granting of Independence to Colonial Countries and Peoples*),<sup>38</sup> Prinsip yang menjadi Panduan kepada Ahli untuk menentukan Samada Wujudnya Obligasi untuk memindahkan Maklumat yang diperuntukkan di bawah Perkara 73E, Piagam, Resolusi 1541 (*Principles Which Should Guide Members in Determining Whether or Not an Obligation Exist to Transmit the Information Called for under Article 73E of The Charter*)<sup>39</sup> dan Deklarasi Prinsip Undang-undang Antarabangsa mengenai Hubungan Mesra dan Kerjasama antara Negara menurut Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu (selepas ini dirujuk sebagai Deklarasi Prinsip Undang-undang Antarabangsa

---

keterangan lanjut, sila rujuk Nawaz, 'The Meaning and Range of the Principle of Self-Determination', hlm 88-99.

<sup>36</sup> Umozurike, *Self-Determination in International Law*, Archon Book, United States of America, 1972, hlm 44. Lihat Iorns, 'Indigenous Peoples and Self-Determination: Challenging State Sovereignty', (1992) 24:199 *Case W. Res Journal of International Law*, hlm 245.

<sup>37</sup> Kekaburuan tersebut mungkin berpunca daripada kecelaruan sewaktu penggubalan piagam dahulu di mana hak berkenaan tidak diperuntukkan ketika deraf dibentangkan dalam *The Dumbarton Oaks Proposal for the Establishment of a General International Organization* sebaliknya peruntukan mengenai penentuan kendiri kemudiannya ditambah ketika Konferens di San Francisco pada tahun 1945. Dalam perdebatan mengenai hak penentuan kendiri dalam piagam PBB, ahli jawatankuasa mencadangkan pindaan daripada perkataan "*to strengthen international order on the basis of respect for the essential rights and equality of the states, and the people's right of self-determination*" kepada perkataan "*based on respect for the principle of equal rights and self-determination of peoples*". Terdapat dua perkara yang menjadi punca kekeliruan iaitu (1) maksud "orang" di mana "orang" boleh ditafsirkan sebagai negara atau sebagai sekumpulan masyarakat dalam sesebuah negara, manakala (2) perkataan "*the peoples right to self-determination*" membuka ruang kepada campur tangan luar. Lihat Cristescu, *The Right to Self-Determination, Historical and Current Development on the Basis of United Nations Instruments*, E/CN.4/Sub.2/404/Rev.1, para 16-17. Di samping itu, Iorns melihat kecaburan dalam peruntukan hak tersebut apabila hak berkenaan boleh ditafsirkan secara luas atau sempit termasuklah pemisahan. Lihat Iorns, 'Indigenous Peoples and Self-Determination: Challenging State Sovereignty', hlm 248.

<sup>38</sup> Declaration on the Granting of Independence to Colonial Countries and Peoples, General Assembly Resolution 1514 (XV), 14 December 1960. Perenggan 2 memperuntukkan seperti berikut: "*All peoples have the right to self-determination; by virtue of that right they freely determine their political status and freely pursue their economic, social and cultural development*". Lihat Pomerance, *Self-Determination in Law and Practice, the New Doctrine in the United Nations*, Martinus Nijhoff Publisher, The Hague, 1982, hlm 1.

<sup>39</sup> *Principles Which Should Guide Members in Determining Whether or Not an Obligation Exist to Transmit the Information Called For Under Article 73E of The Charter. Resolution 1541* diterima tiga hari selepas Deklarasi 1960 dengan 69 undian berbanding 2 undian yang tidak menyokong dan 21 yang tidak hadir. Lihat Hannum, *Documents on Autonomy and Minority Rights* Martinus Nijhoff Publishers, London, 1993, hlm 23.

mengenai Hubungan Mesra dan Kerjasama).<sup>40</sup> Namun, orang asal dikatakan bukan

benefisiari kepada hak penentuan kendiri di bawah instrumen-instrumen berkenaan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Orang asal juga dikatakan tidak berhak ke atas hak penentuan kendiri di bawah Waad Antarabangsa berkaitan Hak Sivil dan Politik (WAHSP), 1966 dan Waad Antarabangsa berkaitan Hak Sosial, Ekonomi dan Budaya (WAHSEB). Walaupun perkara 1, WAHSP mengiktirafkan hak penentuan kendiri kepada semua orang yang meliputi empat dimensi utama iaitu politik, sosial, ekonomi dan budaya, namun orang asal dikatakan bukan benefisiari hak tersebut kerana kecaburan definisi terma “orang”.<sup>41</sup> Kupasan berkaitan isu ini dibincang lanjut dalam bab III.

Selain instrumen undang-undang antarabangsa, hak penentuan kendiri dan suara orang asal semakin mendapat perhatian dalam organisasi antarabangsa sehingga tertubuhnya Kumpulan Kerja Populasi Orang Asal (KKPOA) pada 1982. KKPOA telah ditubuhkan di bawah Resolusi Majlis Ekonomi dan Sosial (*Economic and Social Council Resolution*) 1982/34, yang diberikan kuasa kepada *Sub-Commission on Prevention of Discrimination and Protection of Minorities*.<sup>42</sup> Mandat KKPOA ialah untuk menyemak semula perkembangan, kebijakan dan kebebasan asasi orang asal serta mengutamakan perjuangan untuk mewujudkan suatu piawaian antarabangsa bagi kelompok orang asal.<sup>43</sup> Untuk melaksanakan mandat ini, KKPOA melibatkan pelbagai peringkat peserta seperti wakil kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, orang asal dan pertubuhan yang mewakili mereka.<sup>44</sup> Berkonsepkan penyertaan terbuka, KKPOA

<sup>40</sup> Declaration on Principles of International Law Concerning Friendly Relations and Co-Operation among States in Accordance with the Charter of the United Nations, General Assembly Resolution 2625 (XXV), Annex, 25 UN GAOR, Supp. (No. 28), UN Doc. A/5217 of 24 Oktober 1970.

<sup>41</sup> Thornberry, *Indigenous Peoples and Human Rights*, Manchester University Press, United Kingdom, 2002, hlm 126. Kupasan lanjut turut dibahaskan oleh Xanthaki, *Indigenous Rights and United Nations Standards, Self-Determination, Cultural and Land*, Cambridge University Press, New York, 2008, hlm 133.

<sup>42</sup> Economic and Social Council Resolution 1982/34, E/Res/1982/34, Study of the Problem of Discrimination against Indigenous Populations, para 1.

<sup>43</sup> Mandate of the Working Group on Indigenous Populations, 2012, [www.ohchr.org/EN/Issues/Ipeoples?pages/MandateWGIP.aspx](http://www.ohchr.org/EN/Issues/Ipeoples?pages/MandateWGIP.aspx), (8 Februari 2015).

<sup>44</sup> Lile, 'A New Era for Indigenous Peoples, the United Nations Permanent Forum on Indigenous Issues', (2006) (2) *Journal of Indigenous Peoples Rights* No. 2/2006, hlm 14.